

## *Penerapan Rutin Berfikir Dalam Penulisan Frasa Berbunga*

**Cikgu Ibrizi Ishak**

ibrizi\_ishak@schools.gov.sg

**Sekolah Rendah Woodlands**

**Cikgu Muliana Mohammad**

muliana\_mohammad@schools.gov.sg

**Sekolah Rendah Jiemin**

### *Abstrak*

Mengajarkan karangan merupakan satu proses yang berterusan kerana ia merangkumi pengajaran tentang pengembangan isi dan juga penggunaan bahasa. Dari aspek bahasa, setiap guru ingin melihat muridnya menggunakan frasa-frasa yang menarik dalam penulisan karangan mereka. Dengan menggunakan frasa berbunga, karangan itu akan lebih menarik. Namun, tidak semua murid berusaha untuk menggunakannya terutama golongan murid yang berkeupayaan rendah. Justeru, kajian ini memberi tumpuan kepada penggunaan frasa berbunga yang betul di samping strategi pengajaran secara eksplisit dan rutin berfikir Saya Akan Pastikan dan rutin Beri Satu Dapat Satu. Dapatan kajian secara kualitatif menunjukkan bahawa strategi tersebut dapat membantu murid untuk menulis frasa berbunga dengan lebih baik dalam karangan mereka sekali gus mempercepat murid sebagai murid yang reflektif.

Kata Kunci: frasa berbunga, rutin berfikir, penulisan, ayat, eksplisit, karangan, kemahiran menulis

## PENGENALAN

Menurut Siti Hajar (2009), bagi meningkatkan kemahiran murid menulis karangan, latihan penulisan harus diberikan dari semasa ke semasa. Usaha sedemikian dianggap penting bagi memantapkan penguasaan murid dalam bahasa penulisan.

Kemahiran menulis karangan merupakan satu aspek penting dalam pembelajaran bahasa Melayu terutama sekali pada peringkat Darjah 5 dan 6. Pada peringkat ini, murid seharusnya mampu mengembangkan isi karangan dan menggunakan bahasa yang baik termasuk penggunaan frasa berbunga. Namun, melalui pemantauan harian, karangan yang dihasilkan murid Darjah 5 jarang menggunakan frasa berbunga seperti yang diharapkan guru. Murid tidak dapat melihat frasa berbunga sebagai salah satu aspek bahasa yang penting dan boleh mengindahkan penulisan mereka. Malah, sebilangan murid kurang pengetahuan dalam menggunakan frasa berbunga. Kemungkinan murid tidak pasti atau tiada keyakinan dalam menggunakan frasa berbunga dengan betul.

Justeru, kajian tentang cara menulis frasa berbunga telah dilaksanakan bagi menambah nilai estetik dalam penulisan murid. Hal ini disebut oleh Arba'ie Sujud (2010), yang menekankan bahawa pemilihan kata dan lambang bahasa secara berhati-hati dan tertib, menjadikan jalinan bahasa bukan sesuatu anyaman tetapi sesuatu hamparan indah.

Bagi menerapkan kemahiran menulis dengan menggunakan frasa berbunga, strategi PSAD dan rutin berfikir Saya Akan Pastikan (*Be Sure To*) dan Beri Satu Dapat Satu (*Give One, Get One*) digunakan bagi menggalak murid untuk berfikir secara teratur dan juga meluas sambil berinteraksi dengan rakan sebaya. Kajian ini bertujuan untuk memberi struktur kepada proses pemikiran murid dalam penggunaan frasa berbunga dalam penulisan karangan.

## PERNYATAAN MASALAH

Seawal Darjah 3 lagi, murid telah diajarkan frasa berbunga dalam bentuk peribahasa dan bandingan semacam seperti yang tersedia dalam kurikulum



bahasa Melayu. Frasa-frasa berbunga turut didedahkan dan disenaraikan kepada murid untuk digunakan di dalam latihan karangan mereka.

Melalui pemantauan terhadap latihan karangan murid Darjah 5, guru mendapati murid mempunyai beberapa masalah semasa menulis karangan. Selain daripada masalah menghuraikan isi dan bahasa, murid kelihatan kurang pengetahuan tentang frasa berbunga. Sebilangan murid tidak menggunakan langsung frasa berbunga. Ada sebilangan murid pula menggunakan frasa berbunga tetapi tidak mengikut konteks ayat yang dibina lantas kurang sesuai. Jelaslah di sini murid kurang pasti cara-cara untuk menulis dengan baik. Kelemahan ini boleh menjejaskan mutu karangan murid. Kesudahannya markah karangan mereka tidak memuaskan.

Dengan menggunakan strategi PSAD dan rutin berfikir Saya Akan Pastikan (*Be Sure To*) dan Beri Satu Dapat Satu (*Give One, Get One*) pula, guru cuba merangsang dan memberi struktur kepada pemikiran murid. Langkah-langkah yang diikuti dalam kedua-dua rutin ini bertindak sebagai perancah yang membolehkan murid berfikir dengan lebih mendalam. Guru pula dapat mengesan pemikiran murid dan melibatkan mereka dalam perbincangan lanjut.

## TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meningkatkan keupayaan murid untuk menulis frasa berbunga;
2. menyediakan rangka proses penulisan frasa berbunga untuk menghasilkan penulisan yang baik; dan
3. menilai keberkesanan rutin berfikir Saya Akan Pastikan (*Be Sure To*) dan Beri Satu Dapat Satu (*Give One, Get One*) dalam pengajaran frasa berbunga.

## KAJIAN LEPAS

Pemikiran Jelas (*Visible Thinking*) dipilih sebagai alat untuk memudahkan proses kajian ini. Selain dapat menarik dan melatih murid, ia juga membolehkan murid untuk mendalami dan mengasah cara mereka berfikir sehingga ke



tahap murid itu dapat berkembang dan sedar akan proses berfikir mereka. Ini membuat mereka menjadi murid yang lebih berdikari dan mampu mengurus aksi kognitif mereka (Ritchart et al.,2011, p.22). Justeru, kajian ini memilih rutin Saya Akan Pastikan (*Be Sure To*) dan Beri Satu Dapat Satu (*Give One, Get One*). Rutin Saya Akan Pastikan (*Be Sure To*) ialah rutin yang digunakan untuk murid mengenal pasti matlamat dan aksi seterusnya melalui contoh. Rutin Beri Satu Dapat Satu (*Give One, Get One*) ialah rutin untuk menjana dan berkongsi idea dengan melibatkan murid untuk berbincang serta memberi penerangan.

Strategi menunjuk cara atau *Modeling* merupakan sebahagian daripada pengajaran eksplisit yang digunakan dalam pengajaran frasa berbunga dan pelaksanaan rutin. Menurut Mayer (1989), melalui *Modeling*, murid belajar menyelesaikan masalah dan memperbaiki pencapaian mereka melalui apa yang dipelajari. Menyangkan model karangan yang betul penggunaan frasa berbunganya boleh meningkatkan daya ingatan murid dan secara tidak langsung memahami penggunaan frasa berbunga dalam penulisan karangan.

Semasa kajian ini dijalankan, guru turut menggunakan kaedah permainan kad untuk menajamkan ingatan murid tentang frasa-frasa berbunga berbentuk perasaan. Kaedah ini digunakan kerana menurut Verenikina et al., (2003), bermain bukan sahaja mencerminkan tahap perkembangan kognitif yang telah dicapai, malah ia juga menyatukan kemahiran, aksi dan maksud yang telah diperoleh. Bermain memudahkan pembelajaran kerana ia berupaya meluaskan zon perkembangan proksimal yang mana murid terlibat dalam tugas yang mencabar sedikit daripada paras keupayaannya (Vygotsky, 1967). Dalam mengenalkan frasa-frasa menarik berbentuk perasaan, guru telah menggunakan teknik drama dengan melalui ekspresi wajah. Cook dalam Courtney Richard (1975: 54) menyatakan bahawa lakon merupakan satu cara yang sebenar untuk belajar.

Amalan Pengajaran Singapura (STP) ialah model pengajaran dan pemebelajaran (PdP) yang dibina berdasarkan pengalaman masa lalu, disesuaikan untuk sekolah-sekolah di Singapura bagi membimbing dan mengukuhkan PdP secara berkesan. Dalam kajian ini, STP diterapkan secara sedar, mencakupi segala aspek PdP. Guru telah mengambil kira profil murid



dan memahami pembelajaran sebagai satu proses sosial. Pembelajaran berlaku semasa murid berinteraksi dan berkongsi idea secara berpasangan mahupun berkumpulan. Roschelle & Teasley (1995) menerangkan bahawa aktiviti berkumpulan yang memerlukan murid berinteraksi dan melibatkan diri secara aktif dalam perbincangan dengan tujuan untuk mencapai matlamat yang sama merupakan fenomena utama pembelajaran kolaboratif.

## KAEDAH KAJIAN

Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan data yang diperolehi melalui respons murid dan analisis frasa berbunga dalam karangan. Seramai 46 murid Darjah 5 dari dua buah sekolah rendah yang berbeza dipilih sebagai sampel kajian. Kajian ini juga ingin melihat keberkesanan strategi PSAD dan rutin berfikir *Saya Akan Pastikan (Be Sure To)* dan *Beri Satu Dapat Satu (Give One, Get One)* dalam mengenalkan murid kepada cara-cara menggunakan frasa berbunga dalam karangan.

Pendekatan pengajaran secara eksplisit digunakan bagi memastikan murid benar-benar memahami apa yang diajarkan. Begitu juga dengan penggunaan Amalan Pengajaran Singapura (STP) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah ini.

**Jadual 1: Contoh Aktiviti Pengajaran Frasa Berbunga Berdasarkan STP**

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP14: Merangsang Minat	AM1: Menggunakan Cerita dan Imejan  Murid menonton video tentang frasa berbunga dan memberi respons tentang video yang ditonton.
	AP17: Memberikan penerangan yang jelas	AM2: Menunjuk cara atau Modeling  Pada permulaan, murid meneliti guru menunjukkan ciri-ciri yang perlu ada untuk membina frasa berbunga dalam karangan.

	AP15: Menggalakkan pelibatan pelajar	AM3: Pelibatan menerusi kerjasama dan interaksi Murid dapat belajar melalui kerjasama dan interaksi bersama rakan dalam aktiviti permainan Kad Lakon dan sewaktu melaksanakan rutin berfikir Beri Satu Dapat Satu.
Penilaian dan Maklum Balas	AP14: Menyediakan tugasan Yang bermakna	AM3: Latihan untuk Menguasai Murid menggunakan frasa-frasa menarik dalam latihan bina ayat dan juga karangan.
Penerangan dan Justifikasi	Aspek pengajaran ini digunakan untuk membantu murid memahami cara frasa berbunga dibina serta ciri-ciri PSAD yang perlu ada dalam pembinaannya. Fokus kajian berpusat kepada murid dan rutin-rutin berfikir yang dipilih harus menggalakkan murid untuk mendalami pemikiran mereka terhadap perkara-perkara yang telah dipelajari. Di samping itu, guru turut memastikan elemen keseronokan dalam pembelajaran berlaku seperti permainan dan lakonan dapat meningkatkan ingatan mereka tentang frasa-frasa berbunga.	

## Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan 46 murid Darjah 5 dari dua buah sekolah rendah. Sekolah A mempunyai 27 orang murid melebihi aras kebolehan (HP) dan 5 orang murid pada aras kebolehan (MP). Sekolah B pula mempunyai seramai 9 orang murid pada aras kebolehan (MP) dan 5 orang murid praaras kebolehan (LP). Pemilihan subjek dilakukan untuk meningkatkan keupayaan murid menulis frasa berbunga dalam karangan.

## Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, beberapa instrumen kajian digunakan untuk meneliti pencapaian murid iaitu:

Tugasan-tugasan karangan murid:

- Latihan karangan 1
- Latihan karangan 2
- Latihan karangan 3 (selepas intervensi)
- Latihan karangan 4
- Karangan Peperiksaan Akhir Tahun (EOY)



Melalui tugas tersebut, pengkaji membandingkan kekerapan dan ketepatan penggunaan frasa berbunga dalam penulisan karangan murid. Di samping itu, pengkaji menilai tahap penglibatan dan kecenderungan murid untuk mengikuti pelajaran tersebut. Ini dilakukan melalui pemerhatian guru dan juga tiket keluar. Tiket keluar digunakan bagi mendapatkan maklum balas murid tentang rutin yang digunakan.

Bagi melaksanakan kajian ini, rutin berfikir *Saya Akan Pastikan (Be Sure To)* dan *Beri Satu Dapat Satu (Give One, Get One)* digunakan sebagai alat untuk membantu mereka berfikir secara teratur dan berstruktur.

**Jadual 2: Penerangan Rutin Berfikir**

<b>Rutin Berfikir Saya Akan Pastikan (Be Sure To)</b>	<b>Rutin Berfikir Beri Satu Dapat Satu (Give One, Get One)</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• digunakan di bahagian awal pengajaran untuk mengenal pasti ciri-ciri penggunaan frasa berbunga yang baik</li> <li>• menggalakkan murid untuk lebih reflektif dan terarah (self-direction).</li> <li>• memastikan murid untuk menepati kriteria kejayaan mereka dalam melaksanakan sesuatu tugas.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• digunakan sebagai alat untuk menggalakkan murid untuk memberi idea, berkongsi idea dan saling terlibat dalam perbincangan.</li> <li>• memberi penekanan kepada murid untuk mendengar dengan teliti antara satu sama lain.</li> </ul>

Kajian ini tertumpu pada Kertas 1 iaitu komponen karangan. Perkara yang dilihat dalam karangan murid ialah penggunaan frasa berbunga. Contoh jawapan murid diambil dari hasil tugas mereka seperti contoh-contoh karangan murid yang tidak menggunakan frasa berbunga dan juga yang menerapkan frasa berbunga. Dengan menayangkan kedua-dua jenis karangan ini, murid dapat melihatkan perbezaan unsur estetika bahasa penulisan dan juga kualiti karangan yang dikehendaki.

Kad Lakon bagi frasa berbunga turut digunakan sebagai permainan untuk membantu murid mengingati frasa-frasa berbunga yang telah diajarkan. Kad Lakon ini memerlukan murid untuk melakonkan aksi-aksi yang mencerminkan frasa berbunga tersebut kepada rakan. Cara ini lebih berkesan daripada menghafal frasa yang terdapat dalam senarai yang diberikan.



## Prosedur Kajian

Kajian ini telah dijalankan antara penggal 3 dan penggal 4 pada waktu kurikulum Bahasa Melayu. Masa 1 jam hingga 1 setengah jam diperuntukkan untuk setiap pengajaran. Guru menerangkan objektif pengajaran pada awal pengajaran dalam setiap pengajaran agar murid sedar akan matlamat yang harus dicapai.

### Tahap Tinjauan

Guru telah melakukan tinjauan awal terhadap kelakonan murid dalam latihan-latihan karangan dan mendapati bahawa terdapat dua golongan murid iaitu yang pertama, kebanyakan murid tidak menggunakan frasa berbunga dan golongan kedua, murid menggunakan frasa berbunga dengan tidak tepat atau tidak sesuai dengan konteks cerita.

### Tahap Perancangan dan Pelaksanaan

Guru menggunakan Latihan 1 (intervensi) frasa berbunga kepada semua murid yang terlibat. Semasa latihan, murid dibenarkan menggunakan senarai frasa berbunga yang sudah ada. Murid harus membina ayat dengan menggunakan frasa berbunga tersebut. Kemudian, guru menunjukkan contoh penggunaan frasa yang baik.

Guru menggunakan rutin Saya Akan Pastikan (*Be Sure To*) untuk membimbing murid mengenal pasti ciri-ciri frasa berbunga yang terdapat dalam contoh tersebut.

**Jadual 3: Contoh Soalan-soalan  
Rutin Berfikir Beri Satu, Dapat Satu (*Get One Give One*)**

Soalan-soalan yang ditanyakan kepada murid	
1.	Adakah ayat ini menggunakan frasa berbunga dengan baik?
2.	Mengapakah kamu berkata begitu?
3.	Apakah yang membuat penggunaan frasa berbunga ini baik?

Murid menyatakan sebab dan menyebutkan ciri-ciri frasa berbunga. Guru menggunakan rutin Saya Akan Pastikan (*Be Sure To*) dan mencatatkan ciri-ciri yang dikongsi murid sebagai kriteria frasa berbunga. Persetujuan murid yang lain ditanya juga agar mereka memahami kriteria menggunakan frasa berbunga dengan tepat.





Murid memainkan Kad Lakon bersama rakan untuk mengukuhkan ingatan mereka terhadap frasa berbunga yang telah diajarkan. Murid A akan memilih kad dan melakonkan aksi perasaan yang tertera dalam kad. Murid B pula perlu membuat tekaan.

Seterusnya, guru mengajar secara eksplisit cara menggunakan frasa berbunga dengan baik. Di sini guru menggunakan strategi PSAD iaitu Pilih-Sebab-Aksi-Dialog. Kaedah modeling kerap digunakan agar murid benar-benar memahami langkah-langkah tersebut. Setiap model disisipkan dengan satu senario berserta soalan-soalan 5W1H. Sambil mendengar penerangan guru, murid memberi input dalam bentuk respons sebelum guru memberi peluang kepada murid untuk mencuba secara berpasangan mahupun sendiri.

Guru menunjukkan templat rutin Beri Satu, Dapat Satu (*Get One Give One*) dan menerangkan kepada murid tentang pelaksanaannya. Rujuk Jadual 2 untuk cara pelaksanaan rutin tersebut.

**Jadual 4: Contoh Pelaksanaan  
Rutin Berfikir Beri Satu, Dapat Satu (*Get One Give One*)**

<b>Beri Satu (<i>Give One</i>)</b>	<b>Dapat Satu (<i>Get One</i>)</b>
Murid A memilih bahagian/perenggan yang mengandungi frasa berbunga/berpotensi untuk menyelitkan frasa berbunga dan menulishnya di bahagian ini	Murid B memilih dan menulis bahagian/perenggan yang mengandungi frasa berbunga/berpotensi untuk menyelitkan frasa berbunga

Semasa rutin ini dijalankan, murid perlu diberi masa untuk menulis bahagian-bahagian tersebut secara sendiri. Masa yang diperuntukkan bagi murid itu penting agar murid dapat menulis idea mereka dengan sebaiknya. Ketika proses mengedit, murid perlu mengingat semula ciri-ciri PSAD yang telah mereka pelajari.

Tahap Tinjauan

Pemantauan perlu dilakukan oleh guru sepanjang pelaksanaan kajian ini terutama bahagian rutin berfikir dan contoh-contohan karangan. Ini perlu dilakukan supaya guru dapat melihat keberkesanan dan memantau pencapaian murid. Tiket keluar turut digunakan bagi memantau pemahaman murid secara keseluruhan.




## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Mengikut skema pemarkahan, penggunaan frasa-frasa menarik dalam karangan adalah salah satu penanda yang menunjukkan karangan tersebut dikategorikan sebagai karangan yang baik. Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan dan meneliti aspek frasa berbunga yang merangkumi peribahasa, bandingan semacam dan frasa berbunga murid dalam karangan. Jadual dan rajah di bawah menunjukkan pencapaian murid dan hasil kerja mereka.

**Jadual 6: Peratusan Kekerapan Penggunaan Frasa Berbunga Murid Dalam Karangan**

Tahap	Latihan 1	Latihan 2	Latihan 3 (selepas intervensi)	Latihan 4	Peperiksaan Akhir Tahun
Melebihi Aras Kebolehan/ Kebolehan Aras (32 murid)	26% (8/30)	36% (10//28)	75% (24/32)	60% (18/30)	62.5% (20//32)
Kebolehan Aras/ Praaras kebolehan (14 murid)	25% (3/12)	33.% (4/12)	45.5% (5/11)	55.5% (5/9)	64.3% (9/14)

**Rajah 1: Peratusan Kekerapan Penggunaan Frasa Berbunga Murid Dalam Karangan**



### Sekolah A

Daripada data-data yang terdapat dalam Jadual 6, ada peningkatan yang jelas. Jumlah murid yang menggunakan frasa berbunga agak progresif. Pada akhir tahun, pencapaian murid diambil kira dengan meneliti penulisan karangan mereka. Frasa berbunga yang tepat digunakan akan dijumlahkan. Walaupun



peratusannya rendah berbanding Latihan 3, ia merupakan gambaran yang lebih baik kerana pada ketika itu, murid menulis secara sendiri tanpa bimbingan guru.

### Sekolah B

Daripada data-data dalam Jadual 6, jelas dilihat terdapat peningkatan progresif. Guru juga dapat mengesan sejumlah murid yang konsisten menggunakan frasa berbunga dari awal hingga akhir tempoh kajian walaupun jumlahnya kecil. Lebih-lebih lagi sebelum intervensi dilaksanakan. Namun, selepas intervensi dilakukan, murid lebih cenderung menggunakan frasa berbunga dalam karangan.

Secara keseluruhan, setelah murid melalui rutin *Beri Satu, Dapat Satu (Get One, Give One)* dan *Saya Akan Pastikan (Be Sure To)*, kelakonan murid semakin baik bagi kumpulan murid melebihi aras kebolehan/pada aras kebolehan. Bagi kumpulan murid pada aras kebolehan/praaras kebolehan, murid telah menunjukkan prestasi yang menggalakkan kerana terdapat usaha untuk menggunakan frasa berbunga dengan betul.

**Jadual 7: Contoh Hasil Kerja Murid – Frasa Berbunga (Latihan 3)**

Frasa Berbunga (Tahap melebihi aras dan Kebolehan aras)	Frasa Berbunga (Tahap praaras)
<p>Kedua-dua biji mata Ana dan Budi terbeliak. Mereka amat terkejut melihat aku termasuk ke dalam kolam. <b>Jantungku berdegap-degup</b></p> <p>“Adakah aku dapat diselamatkan?” hatiku tertanya-tanya.</p> <p>Aku tenggelam di dalam kolam. Apabila aku menoleh ke arah Budi dan Ana, <b>muka mereka pucat seperti mayat</b>. Mereka cemas melihat aku terkapai-kapai.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Adam ternampak pepadang sedang terbang di atas bunga yang berwarna <b>merah seperti darah</b>. Ahmad cuba menangkap pepadang yang sedang terbang di atas bunga itu.</li> <li>• Tiba-tiba, Adi terjatuh ke dalam kolam itu. Ahmad dan Nurul terperanjat. <b>Mata mereka terbeliak</b>. Mereka <b>mati akal</b>.</li> </ul>



**Jadual 8: Contoh Hasil Kerja Murid – Rutin Berfikir Beri Satu Dapat Satu**

Beri Satu ( <i>Give One</i> )	Dapat Satu ( <i>Get One</i> )
<p style="text-align: center;">Murid A</p> <p><b>Mukaku pucat lesi</b> apabila aku ternampak adikku menjatuhkan kaca ke lantai. <b>Air mataku jatuh membasahi pipi</b> kerana takut ibuku akan memarahinya. Aku <b>terbayang wajah kemarahan</b> ibuku.</p> <p>Mulutku terkunci dan badanku tidak dapat bergerak.</p>	<p style="text-align: center;">Murid B</p> <p>Tiba-tiba, cawan yang adik pegang terhempas dari tangannya lalu terjatuh di atas lantai. Orang-orang yang sedang beratur menjenguk ke arahku. <b>Mata ibu terbeliak</b> dan <b>memancar api terbakar</b> apabila meihat kejadian tersebut.</p> <p>“Aku pasti ibu akan marah aku,” hatiku berbisik.</p>

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini telah mencapai matlamat yang diinginkan. Murid telah memahami penggunaan rutin-rutin berfikir dalam membantu mereka mengenal pasti ciri-ciri frasa berbunga dalam karangan. Strategi intervensi lakonan dan PSAD juga membantu murid untuk mengenal pasti sendiri ciri-ciri tersebut. Kajian ini juga menunjukkan kesediaan murid untuk menggunakan frasa-frasa berbunga pilihan mereka sendiri dan tidak terhad kepada senarai frasa berbunga yang diberi guru.

Bagi memperbaiki lagi pelaksanaan pengajaran frasa berbunga ini, guru boleh memanfaatkan teknologi dengan menggunakan fitur-fitur dalam SLS. Aktiviti ini boleh diikuti dengan perbincangan di dalam kelas sebagai salah satu pembelajaran teradun. Bagi bahan sokongan, guru juga boleh menyenaraipendekkan lagi pemilihan frasa berbunga yang perlu digunakan oleh murid dalam karangan. Murid juga boleh diberi peluang untuk bebas memilih frasa berbunga yang ingin mereka gunakan dalam karangan. Dengan cara ini, murid dilatih untuk memiliki tanggungjawab terhadap pembelajaran mereka.



## RUJUKAN

- Countney, Richard 1991 (terjemahan). *Lakon, Drama dan Pemikiran*. K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Countney, Richard 1991 (terjemahan). *Lakon, drama dan pemikiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Richard E Mayer (1989). *Models For Understanding*. Dipetik pada 21 September 2020 dari <https://journals.sagepub.com/doi/10.3102/00346543059001043>
- Ritchhart R., Church M. & Morrison, K. (2011). *Making thinking visible: How to promote engagement, understanding, and independence for all learners*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Ritchhart R., & Church M. (2020). *The Power of Making Thinking Visible: Practices to engage and empower all learners*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Roschelle, J., & Teasley (1995). The construction of shared knowledge in collaborative problem solving. Dalam C. O'Malley (Ed.), *Computer-supported collaborative learning* (pp.69-197). Berlin, Germany: Springer Verlag.
- Siti Hajar Abdul Aziz, (2009). *Siri Pendidikan Guru: Bahasa Melayu II*. Selangor Darul Ehsan: Laser Press Sdn Bhd.
- Verenikina I, Harris P, Lysaght P. Child's play: computer games, theories of play and children development. In: Wright J, McDougall A, Murnane J, Lowe J, editors. *The International Federation for Information Processing Working Group 3.5 Open Conference*. Darlinghurst, Australia: Australian Computer Society: American Society for Cell Biology; 2003. pp. 99–106.